

# SUBKY LATIF

BARISAN NASIONAL  
DIGUGAT DAN DIGIGIT

Tun  
Mustapha  
pernah jadi  
Perdana  
Menteri  
satu jam.  
Apa dia  
buat?





# BARISAN NASIONAL DIGUGAT DAN DIGIGIT

OLEH SUBKY LATIF



**Rekabentuk kulit  
Azman Yusuf**

PUSTAKA PERDANA



1006214



**SYARIKAT USAHASAMA FAROOK SUBKY**  
**No 58, Jalan Limau Manis,**  
**Bangsar Park,**  
**Kuala Lumpur.**

**OLEH SUBKY LATIF**

**SYARIKAT USAHASAMA FAROOK SUBKY**

**@ Hak Pengarang Terpelihara**  
**Cetakan Pertama 1978**

**Harga \$4.00**

**Dicetak oleh:**  
**Percetakan Polygraphic Sdn. Bhd.**  
**No: 1, Jalan Simpang,**  
**Taman Overseas Union,**  
**Jalan Klang, Kuala Lumpur.**  
**Tel: 733129 & 734655**



## KANDUNGAN

Pendahuluan	
1. Barisan dalam proses .....	1
2. Pulau Pinang dalam perpecahan .....	8
3. PPP dalam kemerosotan.....	12
4. PAS: Sikap tersendiri.....	19
5. Barisan Nasional satu kenyataan.....	27
6. Sistem satu parti.....	39
7. PAS saingan UMNO.....	63
8. Tandatanya tentang sikap UMNO.....	71
9. UMNO: Rebutan kuasa.....	83
10. Kerajaan ala Mageran.....	100
11. Projek Berjaya.....	119
12. Projek Berjasa.....	128
13. Kedudukan di negeri-negeri.....	147
14. Muafakat pembangkang.....	157



## PENDAHULUAN

**B**ARISAN Nasional tentulah tidak mudah dilaksanakan secepat yang difikirkan kiranya tidak dengan sokongan dan penyertaan Pas. Andaian yang mudah mengapa Barisan Nasional dihasratkan sangat oleh Allahyarham Tun Razak ialah sebagai satu jalan bagaimana hendak membawa Pas ke dalam satu keluarga Perikatan.

Lain-lain parti yang menyertai muafakat Perikatan yang lebih besar tidak mempertikaikan sangat nama Perikatan itu. Tetapi bila Pas menyertai kerajaan campuran ia menekankan bahawa kerajaan campuran itu mahulah disebut kerajaan campuran Perikatan-Pas. Selagi Barisan Nasional atau apa-apa nama juga tidak dicipta, maka nama Pas akan terus terukir bila kerajaan campuran itu disebut-sebut.

Kini pencipta Barisan Nasional yang masih ada ialah Datuk Mohd. Asri. Beliau bersama-sama Tun Razak dan Tun Dr. Ismail memikirkan hal itu pada mulanya

lama sebelum gagasan itu lahir. Bagaimanapun gagasan itu tidaklah difikirkan bermula dari pertemuan yang sering dari tiga tokoh itu, tetapi ia adalah diilhamkan oleh terbentuknya kerajaan campuran di Sarawak yang didaya-usahakan oleh Tun Datu Mustapha.

Tidak ada pihak di Kuala Lumpur pada mulanya menyetujui kerajaan campuran Perikatan dengan SUPP di Sarawak kerana dasar kedua pihak sangat berlawanan dan rasa muhibbah antaranya langsung tidak wujud. Tetapi Tun Datu Mustapha bertawakkal untuk mencuba dan disetujui oleh Tun Razak. Ternyata apa yang dicetuskan oleh Tun Datu Mustapha itu membuka jalan kepada terciptanya Barisan Nasional walaupun Tun Mustapha tidak begitu mendapat menafaat dari penciptaan itu. Sedikit sebanyak penciptaan itu telah menggerhanakan kerjaya politiknya, tetapi itulah pengorbanan dalam usaha mencari kestabilan politik dan ekonomi negara.

Muafakat yang diusahakan oleh Barisan rasanya sangat sesuai dengan maksud bahawa manusia itu dicipta berbangsa-banga dan berbahasa-bahasa untuk berkenal dan bekerjasama antara satu sama lain. Antara kerjasama yang dicari ialah bagaimana Dasar Ekonomi Baru mudah dilaksanakan. Cara yang difikirkan ialah dengan membawa sebanyak-banyak parti politik bekerjasama dan mengurangkan politiking. Dengan demikian semua pihak akan menumpukan kepada usaha pembangunan.

Tetapi cabaran telah datang. Bahawa usaha penyatuan itu cuba diambil kesempatan oleh golongan marxis dan pro-marxis dengan mengambil alih kekuasaan dari dalam. Penyatuan semua pihak itu rupanya merupakan satu cara yang mudah bagi puak marxis untuk berkuasa sesudah mereka gagal melalui perjuangan bersenjata pada satu peringkat dulu.

Usaha mereka kali ini gagal juga kerana keadaan-keadaan, dan bukan kerana kesungguhan dan kesedaran puak anti marxis untuk mematahkan perjuangan menyusup dari dalam itu.

Bagaimanapun ia bukanlah cabaran yang pertama dan yang terakhir bagi Barisan Nasional. Ia sesungguhnya telah disediakan dengan cabaran sejak dari awal penubuhannya. Bila Barisan menjadi realiti melalui pilihanraya umum 1974, ia telah disediakan dengan duri perpecahan iaitu dengan terbitnya buku ‘Kelantan, Politik dan Dilemma Pembangunan.’

Buku ini ada tanda-tanda diselenggarakan bersama oleh UMNO. Meskipun UMNO tidak pernah menaja dan bercita-cita untuk menikam Pas dari belakang dengan buku itu, tetapi UMNO tidak berbuat apa-apa untuk menghilangkan syak wasangka Pas terhadap keikhlasan UMNO dalam hubungan kerjasama melalui Barisan Nasional itu.

Dapatlah dirasakan bahawa buku ini menjadi segala punca perpecahan yang berlaku tiga tahun kemudiannya antara Pas dan Barisan. Perpecahan antara Pas dan UMNO menular dari sehari ke sehari sesudah dua orang dari pengasasnya meninggal — Tun Dr. Ismail dan Tun Razak. Pemimpin-pemimpin baru UMNO yang terdiri dari Datuk Hussein Onn, Dr. Mahathir Mohamad dan lain-lain tidak merasakan bertanggungjawab untuk meneruskan anak politik yang dilahirkan oleh Tun Razak itu.

Apakah suatu yang disengajakan oleh pimpinan baru untuk tidak meneruskan politik Tun Razak itu atau politik Tun Razak itu suatu yang tidak mendatangkan banyak menafaat kepada UMNO dan masa depannya adalah perkara yang menjadi perhatian.

Tetapi sesudah tiadanya Tun Razak, maka hubungan mesra di peringkat tinggi antara pemimpin UMNO

dan pemimpin Pas boleh dikatakan tidak ada lagi. Justeru itu keadaan dalam Barisan adalah digerit sedikit demi sedikit sebelum ia sampai kepada retak yang menunggu belah.

Pada akhirnya apabila tercipta satu krisis di Kelantan — Pas mengundi tidak percaya kepada Menteri Besarnya Datuk Mohamad Nasir yang dari mula tidak diberikan senjata politik — maka retak pun menunggu belah.

UMNO mengambil tanggungjawab membela Datuk Mohamad Nasir yang dipilih oleh Tun Razak sebagai Menteri Besar Barisan yang pertama atau mungkin yang terakhir buat Kelantan. Secara rasmi inilah yang mengakhiri kerjasama atau bulan madu Pas — UMNO.

Atas nama tanggungjawab UMNO atau Barisan memilih Datuk Mohamad Nasir yang bererti ia menolak Pas. Dan Pas menerimanya guna mempertahankan maruahnya. Krisis ini dengan mudah mengakhiri muafakat Pas dan UMNO yang dicuba begitu lama. Dengan ini jelasnya bagi UMNO, bahawa ia lebih memilih Datuk Mohamad Nasir dari Pas.

Dengan ini Pas tertendang dari Barisan. Ini bererti habis sudah khidmat tokoh pengasas Barisan yang terakhir. Dengan ketiadaan Datuk Asri dalam Barisan, maka Barisan kini berada di tangan orang-orang baru yang tidak terlibat dalam memikirkan perkara itu dulu.

Bagi Pas ini satu tamparan, tetapi tamparan itu menjadi cabaran baginya untuk hari-hari kemudiannya ia akan lahir sebagai penggugat utama kepada Barisan yang mulai digigit di sana sini oleh sekutu-sekutunya.

Barisan tanpa Pas adalah Barisan yang masih kuat. Ia tetap bernafas dan bertenaga, tetapi dengan membenarkan Pas keluar dari kawalannya samalah bererti menyediakan musuh yang lebih kuat. Bagaimanapun ia ada baiknya bagi memelihara demokrasi yang

lebih sihat dan negara yang lebih matang. Tetapi para pemimpinnya haruslah mampu menjadi orang berjiwa besar bila berhadapan dengan detik-detik sejarah seperti ini.

Dengan ini 'Barisan Nasional Digugat dan Digigit' cuba membawa pembaca untuk menyorot masalah yang berlingkar dalam Barisan Nasional dari mula dibentuk hingga tercetusnya krisis Kelantan, krisis Pas yang dijadikan krisis Barisan.

**Subky Latif,**

**Kuala Lumpur.  
11 Januari, 1978.**

v



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEIMPINAN  
PERDANA

## BARISAN DALAM PROSES

**B**ARISAN Nasional yang mengambil alih Perikatan dalam tahun 1974 tidak pernah dirancang untuk menjadi Barisan seperti yang menjadi kenyataan itu.

Ia bermula sebagai satu kerjasama apabila pemimpin-pemimpin politik berdepan dengan kebuntuan untuk menghadapi beberapa masalah negara. Ia berkisar atas kebuntuan untuk membentuk kerajaan negeri, dan ada juga dibuat untuk memastikan kerajaan negeri tertentu jatuh ke tangan parti ketiga yang kerjasama dengan kerajaan pusat mungkin tidak dapat difikirkan, dan ada juga ia bermula dengan hasrat untuk menyampaikan bantuan pembangunan kepada kerajaan negeri yang dipegang oleh pembangkang.

Tetapi Barisan Nasional itu mungkin tidak pernah difikirkan oleh sesiapa sehinggalah Pas bersetuju untuk mengadakan muafakat dengan Perikatan khususnya UMNO. Tanpa penyertaan Pas, maka belumlah dapat dipastikan yang Barisan itu boleh menjadi kenyataan. Kalau pun ia menjadi kenyataan tetapi peranannya dan nadanya mungkin berbeza.

Segala-galanya bermula dengan terbentuknya kerajaan campuran di Sarawak dan kerajaan campuran di Pulau Pinang, kerajaan campuran di Majlis Perbandaran Ipoh Perak, dan akhirnya terbentuknya kerajaan campuran Perikatan - Pas di semua tingkat.

Segala-gala perkembangan yang menjadi realiti itu tidak pernah difikirkan oleh sesiapa walaupun ia bukanlah suatu yang mustahil.

Yang membuka segala kerjasama itu ialah pembentukan kerajaan Perikatan atau kerajaan campuran Sarawak pimpinan Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Rahman Yaakub tahun 1970.

Sebelumnya Sarawak berhadapan dengan keadaan politik yang tidak stabil dan kurangnya pemimpin-pemimpin yang benar-benar dapat mempertahankan konsep Malaysia. Berikut dengan pemecahan Singapura dari Malaysia tahun 1965, maka terdapat anasir-anasir yang pro-Singapura atau orang-orang yang memikirkan ada baiknya Sarawak dipisahkan juga sama seperti Singapura.

Persoalan seperti itu sebelumnya timbul di Sabah, tetapi ia mudah diatasi apabila Tun Datu Mustapha bin Datu Harun muncul sebagai Ketua Menteri dan pemimpin utama Sabah buat waktu lapan tahun. Dengan kemunculannya sebagai Ketua Menteri menggantikan Peter Lo, maka anasir yang kurang mempertahankan konsep Malaysia itu terhapus sedikit demi sedikit.

Tetapi Sarawak terus terumbang-ambing kerana ia ketika itu tidak mempunyai Tun Mustaphanya. Puak yang agak berpengaruh ketika itu ialah SNAP pimpinan Datuk Stephen Kalong Ningkan yang boleh dikatakan menguasai sebahagian besar suku Iban, dan SUPP pimpinan Datuk Ong Kee Hui dan Stephen Yong. SUPP mendapat sokongan orang-orang Cina terutama golongan radikal yang berhaluan kiri. Malah ada antara

anggota-anggotanya yang terlibat terus dengan pertubuhan komunis.

Pilihanraya tahun 1970 memberikan keputusan yang tidak menyenangkan puak yang mempertahankan konsep Malaysia. Pihak yang menyokong Malaysia seperti Tan Sri Temenggung Jugah umpamanya, ketika itu tidak begitu kukuh untuk menghadapi kecenderungan puak Iban yang mulai terpengaruh dengan perkembangan pro-Singapura itu. Dan adalah menjadi suatu masalah juga bagi Perikatan untuk mempertahankan sikap pro-Malaysianya yang tidak berbelah bagi kalau pengikut-pengikut Tan Sri Temenggung Jugah dapat diperlemah oleh kumpulan Kalong Ningkan.

Kedadaan-keadaan nampaknya memperlihatkan bahawa pengikut Tan Sri Temenggung Jugah boleh dikuasai oleh kumpulan Kalong Ningkan. Dan kalau penguasaan ini berjalan laju, maka hubungan Sarawak dan Semenanjung boleh menjadi tegang. Pada ketika yang sama puak Ningkan dapat menanamkan rasa curiga pengikut Tan Sri Temenggung Jugah terhadap kumpulan yang dipimpin oleh Datuk Patinggi Rahman Yaakub.

Persoalan yang timbul ketika itu sudah terdapat keadaan yang puak Tan Sri Temenggung Jugah seolah-olah tidak tertarik untuk meneruskan kerjasama Perikatan. Ini boleh mempersulitkan lagi keadaan. Kebuntuan ini menyebabkan sukarnya sebuah kerajaan hendak dibentuk walaupun Datuk Patinggi Abdul Rahman Yaakub sudah menang untuk membentuk kerajaan.

Kebanyakan orang-orang bukan Melayu di Sarawak ketika itu tidak tertarik dengan Datuk Patinggi walaupun beliau sudah menempa nama yang terlalu harum di Kuala Lumpur sebagai seorang Menteri Pelajaran yang paling disayangi terutama oleh para mahasiswa.

Mengikuti apa yang diriwayatkan oleh Tun Datu Mustapha, keadaan adalah terlalu mencemaskan kerana kiranya kumpulan Datuk Patinggi lambat bertindak, maka kerajaan Sarawak akan jatuh ke tangan orang-orang yang tidak kukuh pendiriannya terhadap Malaysia.

Dalam suasana yang buntu itu Tun Mustapha cuba meyakinkan Tun Razak yang berada di Kucing ketika itu agar menyetujui satu muafakat antara kumpulan Datuk Patinggi dengan SUPP. Cadangan itu seolah-olah tidak popular dan mendapat tentangan dari banyak pihak terutama dari orang-orang di Rumah UMNO Kuala Lumpur sendiri.

Antara alasannya ialah bagaimana satu kerjasama hendak diadakan antara Perikatan dengan SUPP yang dikira terlalu kiri dan ada anggotanya mempunyai hubungan langsung dengan komunis. Apakah SUPP menyokong komunis tidak mudah untuk dibuktikan, tetapi pendapat umum dan pengamat politik merasakan parti politik itu terlalu mirip dengan komunis.

Bagaimanapun Tun Razak yang tidak menyatakan apa-apa pendapat, lebih banyak memikirkan bagaimana hubungan itu hendak diadakan. Allahyarham tidak dapat memikirkan apa satu jalan yang membolehkan pihak SUPP boleh menerima kerjasama kalau pun hal itu disetujui oleh beliau. Sikap SUPP yang tidak ada taranya menentang Perikatan itu tidak dapat difikirkan boleh menerima sebarang kerjasama dengan Perikatan. Tetapi Tun Mustapha menyatakan hal itu boleh dicuba dan meminta kebenaran Tun Razak untuknya mencuba perkara itu.

Tun Mustapha meminta Tun Razak memberikan penuh mandat kepadanya dan kalau boleh bersetuju menjadikan beliau sebagai Perdana Menteri untuk beberapa jam saja. Tun Razak entah bagaimana bersetuju dengan usaha itu, dan kalau pun Tun Mustapha

mahu gelaran Perdana Menteri itu buat satu jam pun tak mengapalah. Hingga pada peringkat itu kemahuan Tun Mustapha itu masih ditentang oleh beberapa orang dari Kuala Lumpur walaupun Tun Razak sudah menyerahkan hal itu kepada Tun Mustapha.

Perkara yang dilakukannya mula-mula sekali ialah meminta Datuk Michael Chen menghubungi Stephen Yong ketika itu juga. Waktu ketika itu pukul 5 subuh. Tun Razak dan orang-orang kumpulan Abdul Rahman Yaakub belum tidur, orang-orang SUPP yang berkumpul di rumah Stephen Yong juga belum tidur.

Datuk Michael Chen meminta Stephen Yong datang bertemu dengan Tun Razak dan Tun Mustapha ketika itu juga. Dan ia jangan ditangguhkan lagi. Tidak ada lain-lain maklumat dinyatakan kepadanya.

Stephen Yong segera datang dan bila sampai di hadapan Tun Razak, bukan Tun Razak yang memulakan cakap, tetapi Tun Mustapha. Beliau meminta sekali lagi Tun Razak menjadikan dia Perdana Menteri untuk satu jam saja. Tujuannya ialah supaya dapat didengar oleh Stephen Yong dan sebagai Perdana Menteri tentulah beliau dapat membuat perundingan dengan mudah.

Sambil gelak ketawa Tun Razak bersetuju, “OK-lah, Tun Mustapha jadi Perdana Menteri satu jam ....”

Dan sesudah itu Tun Mustapha mengajak Stephen Yong masuk ke sebuah bilik dan kemudian beliau mengunci bilik itu. Dalam bilik itu beliau berdua saja. Dan Tun Mustapha dengan tidak membuang masa terus memintanya bersetuju membentuk kerajaan campuran dengan Perikatan. Stephen Yong menentangnya kerana adalah ‘gila’ untuk membuat hal yang demikian kerana masing-masing pihak sudah tahu tentang pendiriannya.

Stephen Yong dengan SUPPnya sudah membuat sikap yang nyata menentang Perikatan dalam pilihanraya yang baru berakhir beberapa jam saja, dan di

mana ada logiknya pula ia menerima kerjasama dengan Perikatan selepas itu.

Tetapi Tun Mustapha memberitahu bahawa yang dihadapinya adalah Perdana Menteri Tun Mustapha, bukannya Ketua Menteri Sabah. Dia memanggil Stephen dengan tujuan baik dan mahu bersahabat. Adalah wajar tawaran terbaik-baik itu diterima.

Stephen Yong berkeras tidak mahu, tetapi Tun Mustapha tidak mahu membenarkan Stephen Yong tidak setuju. Dia memaksanya untuk bersetuju.

Stephen menyatakan, kalau dia setuju, tidak bererti partinya dan pengikut-pengikut parti itu bersetuju. Dia juga harus merundingkan dulu dengan Ong Kee Hui yang menjadi Pengerusi SUPP.

Tun Mustapha memberitahu bahawa Ong Kee Hui tidak sukar untuk menyetujuinya kerana beliau adalah sahabat Tun Mustapha yang lama. Dan Yang penting dalam masalah ini ialah persetujuan Stephen Yong kerana pengaruh Stephen Yong lebih besar dalam parti itu.

Bagi Tun Mustapha, kalau Stephen Yong boleh mempengaruhi anggotanya untuk mengikutnya, tidak ada sebab dia tidak boleh menarik persetujuan mereka dalam perkara ini. Stephen akhirnya tidak lagi dapat mengelak dengan kemahuan Tun Mustapha dan apa yang diminta oleh Stephen hanya satu iaitu untuk mendapatkan fikiran Ong Kee Hui dulu.

Tun Mustapha segera meminta orang menghubungi Ong Kee Hui dan memintanya datang menemuinya ketika itu juga. Bila Ong Kee Hui tiba di bilik bersejarah itu, Tun Mustapha tidak menunggu Stephen Yong untuk menyatakan apa-apa terlebih dahulu. Beliau terus memberitahu Ong Kee Hui bahawa Stephen Yong sudah setuju untuk membentuk kerajaan campuran dengan Perikatan dan sekarang beliau mahu Ong Kee Hui bersetuju juga.

Ong Kee Hui tidak dapat hendak menyatakan apa-apa kerana kalau Stephen Ong sudah setuju bagaimana dia hendak menyatakan tidak setuju pula.

Kemudian timbul siapa pula yang akan menjadi Ketua Menteri. Itu yang ditanyakan oleh Stephen Yong.

Tun Mustapha menjawab, "Siapa lagi kalau tidak Rahman Yaakub."

Stephen Yong meloncat menyatakan tidak setujunya, tetapi tidak ada pilihan lain yang dibenarkan oleh Tun Mustapha. Dengan ini Stephen menyetujuinya dengan beliau sendiri menjadi Timbalan Ketua Menteri.

Sesudah persetujuan itu Tun Mustapha pun membuka kunci pintu dan keluar mendapat Tun Razak yang berada di luar bilik menunggu. Dengan senyum gembira Tun Mustapha membuka mulut, "Sekarang selesai. Nah! You ambil balik jadi Perdana Menteri," katanya kepada Tun Razak.

Kedua-duanya kemudian meninggalkan bilik itu untuk membolehkan Datuk Patinggi Rahman Yaakub memulakan perundingan lanjut dengan Stephen. "Mari kita pulang cepat," kata Tun Mustapha kepada Tun Razak. "Biar mereka berunding sama sendiri. Kalau kita ada di sini, nanti mereka datang meminta apa-apa lagi. Kalau kita tidak ada, mereka tentu tidak akan dapat untuk meminta lain-lain kemudian," kata Tun Mustapha.

Pagi itu juga, ketika Rahman Yaakub dan Stephen Yong berunding untuk membentuk kerajaan campuran, Tun Razak berlepas ke Kuala Lumpur dan Tun Mustapha terbang ke Kota Kinabalu.

Seketika kemudian radio pun mengumumkan berita yang memeranjatkan semua pihak itu.

Dari situlah bermulanya satu kerjasama dalam babak Barisan nasional dalam proses.

## PULAU PINANG DALAM PERPECAHAN

**P**ENGAJARAN dan menafaat yang diperolehi oleh kerajaan campuran di Sarawak menyebabkan terbuka pula pintu perundingan dengan lain-lain parti pembangkang yang mempunyai kuasa di negeri-negeri untuk bermuafakat dengan Perikatan.

Pulau Pinang yang jatuh ke tangan Gerakan dalam tahun 1969 tidak mungkin dapat dirampas semula oleh Perikatan dalam jangka waktu yang singkat. Dalam perhitungan yang ada, kiranya kerajaan Gerakan jatuh, belum bererti ia jatuh ke tangan Perikatan semula. Arus yang ada memungkinkan ia mudah jatuh ke tangan DAP yang nantinya dikira lebih banyak perbezaan dan pertentangan dengan Perikatan.

Risik-risik mula dibuat dengan Dr. Lim Chong Eu, Ketua Menteri Pulau Pinang yang ketika itu adalah Timbalan Pengerusi Gerakan. Ada kecenderungan untuk membawa Dr. Lim Chong Eu untuk menjadi Menteri Kewangan memandangkan Tun Tan Siew Sin mulai mahu berehat dari politik.

Lain-lain perhitungan yang dibuat selain dari mahu bekerjasama dan mahu meletakkan pengaruh Perikatan dalam kerajaan Pulau Pinang itu ialah untuk memastikan bahawa parti yang mewakili kaum Cina yang berpengaruh dapat diwakili dalam muafakat kaum dalam Perikatan.

Adalah suatu yang logik bagi Perikatan yang mewakili semua kaum terbesar itu dapat diwakili oleh parti-parti perkauman yang paling berpengaruh sekali. Penyertaan MCA sebelum itu adalah suatu yang sudah menasabah kerana ia adalah kumpulan yang dapat mewakili kaum Cina pada keseluruhannya. Tetapi Pilihanraya Umum 1969 memperlihatkan bahawa MCA tidak lagi dapat menarik kepercayaan orang-orang Cina.

Orang-orang Cina nampaknya lebih tertumpu kepada DAP dan Gerakan. Untuk bermuafakat dengan DAP, nampaknya tidak begitu mudah. Selain dari DAP itu tidak tertarik, ia juga tidak mengghairahkan orang-orang Melayu yang tidak begitu mendalami hakikat semua parti-parti Cina di Malaysia.

Oleh yang demikian Gerakan nampaknya tidak begitu mudah. Selain dari DAP itu tidak tertarik, ia juga tidak mengghairahkan orang-orang Melayu yang tidak begitu mendalami hakikat semua parti-parti Cina di Malaysia.

Oleh yang demikian Gerakan nampaknya boleh dijadikan sahabat baru memandangkan kumpulan yang menyertainya tidak terlingkung dalam apa yang dikira pengikut-pengikut sosialis. Dr. Lim Chong Eu sendiri sebelum memimpin Gerakan adalah seorang pemimpin MCA yang berfaham kebangsaan dan memang dapat keyakinan dari masyarakat Cina.

Perkiraan yang dapat dibuat ialah kiranya masyarakat Cina tidak lagi menyokong MCA, Perikatan akan kehilangan sokongan dari kaum Cina kiranya ia tidak



Baru dua bulan lalu Subky Latif menghasilkan 'Siapa Ganti Asri?' yang mengisahkan sekitar kepincangan dalam PAS dan bagaimana Datuk Asri selamat dari setiap usaha untuk menggugat kedudukannya.

Kali ini Subky Latif timbul lagi dengan buku barunya 'BARISAN NASIONAL DIGUGAT DAN DIGIGIT' yang menyorot sekitar muslihat pembentukan Barisan Nasional dan apa yang mendorong PAS tersingkir.

Buku ini mengupas saingan antara UMNO dan PAS yang cuba merebut pengaruh di kalangan masyarakat Melayu, dan ia juga memperinci saingan di kalangan pemimpin-pemimpin UMNO yang menggunakan isu PAS sebagai tangga mencapai kejayaan.

Barisan Nasional adalah ciptaan Tun Razak, tetapi ada tanda-tanda bahawa yang mengilhamkan alahyarham itu ialah sepak terajang Tun Datu Mustapha yang pernah meminta peluang menjadi Perdana Menteri dari Tun Razak satu masa dulu.

Percaya atau tidak, usaha Tun Mustapha itulah yang memaksa SUPP menyertai barisan kerajaan dan ini membuka jalan kepada lain-lain parti untuk bersekutu. Subky juga menganalisa lamaran DAP untuk bekerjasama dengan PAS dan apakah nasib Barisan kalau PAS bersekutu dengan DAP.

**SYARIKAT USAHASAMA FAROOK SUBKY**

No 58; Jalan Limau Manis,  
Bangsar Park, Kuala Lumpur.

